

25/06/2001

Guru wanita disaran rancang kehamilan

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH, Ahad - Guru wanita di negara ini disaran merancang kehamilan bagi mengelak masalah kekurangan tenaga pengajar hingga menyebabkan pembelajaran murid terjejas atau terbengkalai.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata masalah tenaga pengajar timbul jika ramai guru wanita cuti bersalin serentak kerana mereka mewakili 65 peratus jumlah guru di seluruh negara.

Sehubungan itu, katanya, kehamilan serentak perlu dielak dan guru besar atau pengetua perlu berbincang dengan guru wanita bagi memastikan keadaan pengajaran di sekolah tidak terganggu.

"Sebagai contoh, sekolah ini (Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Pulai) mempunyai 53 guru dan 39 daripada mereka ialah wanita.

"Jika separuh daripada 39 guru ini bersalin serentak, apa akan jadi pada sekolah itu? Kita tidak dapat mengambil guru ganti kerana jumlah guru terlalu sedikit.

"Mungkin bunyi (nasihat) saya ini agak tidak baik, tetapi kita merayu pengetua, guru besar dan semua guru merancang keadaan yang mana kelahiran mesti sesuai dengan keadaan semasa seperti pada masa cuti dan tidak serentak," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah pada majlis Hari Anugerah Cemerlang 2001 Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Pulai, Kampung Kepayang, di sini.

Abdul Aziz berkata, nasihatnya wajar diberi perhatian bagi mengelak timbulnya masalah pada masa depan.

Beliau berharap pandangan tidak disalah anggap oleh orang ramai dan jika keadaan itu tetap berlaku, guru wanita tidak boleh dipersalahkan kerana profesion perguruan tidak diminati kaum lelaki.

"Bukan niat saya untuk menghentikan kelahiran anak tetapi nasihat dan pandangan saya ikhlas memandangkan suasana yang mendesak.

"Persediaan perlu kerana peratusan guru wanita dan lelaki adalah 65 peratus kepada 35 peratus. Malah kebanyakan guru besar dan pengetua sekolah di Lembah Klang adalah wanita," katanya.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, sistem kouta kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) hanya akan dikaji apabila kedudukan Bumiputera seimbang dengan kaum lain dalam semua bidang terutama bidang kritikal.

Malah, katanya, pada masa ini pencapaian kaum India di bidang profesional lebih maju ke depan berbanding kaum Melayu.

"Bumiputera masih berada di bawah dalam semua bidang walaupun segala peluang diberi dan mereka mendapat faedah daripadanya.

"Jadi buat sementara ini, kita kekalkan kuota 55 bagi Bumiputera dan 45 bagi bukan Bumiputera hingga mendapat penyelarasan dan akan tiba masa semua (kaum) akan setaraf atau sekurang-kurangnya setaraf," katanya.

Abdul Aziz berkata, Bumiputera masih memerlukan masa sehingga betul-betul mampu bersaing terutama dalam bidang tertentu seperti perakaunan yang memerlukan kemahiran Matematik yang tinggi.

Bagaimanapun, katanya, dalam bidang tertentu seperti doktor, jumlah orang Melayu sudah ramai termasuk muncul sebagai pakar dalam pelbagai bidang perubatan.

"Ketika negara mencapai kemerdekaan, hanya terdapat 11 doktor Melayu termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tetapi perlahan-lahan kita meningkat

sehingga kini terdapat 6,000 doktor, jadi masa adalah faktornya," katanya.

Abdul Aziz berkata, beliau tidak dapat menganggar bila sistem itu boleh dikaji semula tetapi menjelaskan tugas menyediakan seseorang profesional seperti doktor memerlukan sekurang-kurangnya 25 tahun.

Katanya, sistem itu mungkin boleh diubah lebih awal jika Bumiputera membuktikan mereka mampu bersaing dengan kaum lain.

(END)